

Rasa hidup tidak bertuhan

Remaja sering dihantui fikiran pertikaikan kewujudan Allah

SAYA masih menuntut di sekolah menengah. Masalahnya, saya mendapat bisikan syaitan supaya memikirkan mengenai zat Allah S.W.T.

Masalah ini saya hadapi sejak tahun lalu tapi saya pendamkan daripada pengetahuan ibu bapa dan tidak berjumpa ustazah untuk mendapat nasihat.

Sehingga hari ini saya rasakan hidup tidak bertuhan. Nauzubilla. Saya tahu Allah wujud dan cuba untuk meyakinkan diri mengenai kebenaran itu tapi hati saya menolak.

Apabila saya menyuruh hati dan diri memikirkan mengenai kebesaran Allah, fikiran akan berfikir mengenai zat-Nya. Fikiran saya sentiasa menyuruh memikirkan dari

mana datangnya Allah, mesti Allah dilahirkan, di mana Allah, malaikat wujud atau tidak dan sebagainya.

Tolonglah bantu saya menangani masalah ini kerana ia sudah bemanah dalam diri. Kalau boleh saya ingin kembali pada zaman kecil apabila mempercayai kewujudan Allah Yang Maha Besar dan tiada Tuhan melainkan-Nya.

Saya tahu itu dan cuba untuk menyemat kukuh kalimat berke-naan dalam diri tapi gagal. Masalahnya bagaimana saya boleh melawan bisikan syaitan itu supaya iman kembali seperti sedia kala.

Saya sayang Allah, malaikat, Nabi Muhammad s.a.w., sahabat, agama dan yang paling penting sekali iman saya.

Bantulah saya.

Muslimah,
Terengganu.

ADIK, Dr minta maaf jika tidak dapat menjawab persoalan adik dengan baik. Sebab itu, Dr nasihat adik berjumpa guru agama atau orang mahir dalam agama untuk mendapat penerangan lanjut mengenai permasalahan dialami.

Dr cuba lihat persoalan adik dari dua sudut iaitu agama dan psikologi. Dari sudut agama, ia hanya disentuh secara ringkas. Izinkan Dr mulakan perbincangan dari sudut psikologi.

Menurut psikologi, perkembangan manusia dari segi fizikal, emosi dan pemikirannya

(kognitif) bergerak dari satu tahap ke satu tahap yang lain. Dari sudut pemikiran, seorang ahli psikologi, Paiget menjelaskan kanak-kanak antara umur tujuh hingga 11 tahun mula berfikir secara operasi konkrit iaitu berfikir secara logik dan konkrit (perkara yang nyata).

Ketika berusia 12 tahun ke atas, individu boleh berfikir secara abstrak (perkara tidak nampak) dan bersifat hipotetikal serta boleh memikirkan akibat jangka panjang sesuatu aksi.

Individu yang mula berfikir secara abstrak akan mula bertanya soalan yang sekian lama mengisgi minda manusia seperti dari mana asal kejadiannya, apa makna kehidupan dan

mengapa dirinya diwujudkan.

Persoalan sebegini sering juga menjurus kepada persoalan mengenai ketuhanan. Adik kini berada pada peringkat ini.

Sifat kritis terhadap ajaran agama mulai timbul dan selari dengan perkembangan intelektual remaja. Ini boleh menimbulkan konflik kerana dari satu segi, sebagai makhluk ciptaan Tuhan, mereka dianugerahkan fitrah beragama. Dari sudut perkembangan moral, sesetengah remaja bersifat submisif dan rasakan ada keraguan terhadap ajaran moral dan agama. Tingkat keyakinan dan ketaatan beragama remaja banyak bergantung pada kemampuan mereka menyelesaikan keraguan dan konflik jiwa dalam diri.

Remaja yang mendapat didikan agama kukuh biasanya dapat menyelesaikan konflik ini dengan baik.

Fitrah beragama tetap terpelihara dalam diri remaja tetapi dari sudut lain, mereka mula melakukan tindakan menyalahi tuntutan beragama.

Dua pertentangan ini menimbulkan rasa bersalah atau berdosa dalam diri remaja. Begitulah yang dialami adik kini.

Jalan penyelesaian kepada konflik ini banyak bergantung kepada kemampuan individu untuk memilih jalan mana. Apabila rasa bersalah dan berdosa lebih dominan, biasanya remaja akan cenderung kembali ke jalan 'kebenaran'.

Sebaliknya jika perilaku yang salah dan menyimpang dianggap sebagai satu 'kebenaran', remaja akan tersasar jauh daripada kebenaran.

Selain itu juga, teori kaunseling seperti teori kewujudan banyak membincangkan mengenai persoalan mengenai kehidupan.

Mengikut teori ini, manusia bersedia meneroka dan mengenali makna kewujudan dirinya selain bertanya mengenai tujuan dan apa harus dicapai dalam kehidupan ini. Persoalan mengenai kematian, kebimbangan diri dan tanggungjawab dalam kehidupan juga dibincangkan.

Adik, jelasnya apa yang dialami adalah konflik antara sifat kritis, rasa ingin tahu

dan meneroka dengan fitrah beragama. Ini ditambah pula dengan faktor persekitaran dan pengamatan dilalui.

Apabila individu kerap diperdengarkan melalui ceramah, penulisan dan tingkah laku yang ada kaitannya dengan konsep ketuhanan, rasa ingin tahu menjadi semakin tinggi.

Dalam konteks ini, adik perlu mendapat bimbingan terutama orang yang arif dalam bidang agama. Bimbingan agama ini juga seharusnya melihat permasalahan sebegini dari sudut psikologi perkembangan yang bersesuaian dengan sifat dimiliki remaja.

Rasa ingin tahu adik ini jika dapat disalurkan ke jalan Allah dapat membantu menjadi Muslimah yang lebih banyak mengetahui mengenai Islam, Allah dan sifat-Nya. Dekatkan diri dengan Allah melalui amal ibadat seperti memperbanyakkan zikir.

Dari sudut Islam, kemampuan akal terbatas. Walaupun peranan akal penting untuk memikirkan mengenai kebesaran ciptaan Allah, akal hanya dapat menangkap apa yang dapat ditanggap pancaindera saja.

Menurut pendapat ahli fikir Islam, khasnya Imam al-Ghazali dan Ibn Sina, akal hanya mampu mengkaji dan memahami alam nyata yang boleh diteliti saja. Ruang akal amat terbatas dan tidak dapat menyelami hakikat yang tidak dapat ditanggapi.

Hal ini terbukti menerusi firman Allah mengenai zat-Nya "Dia tidak dapat dicapai penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat segala penglihatan itu dan Dialah Yang Maha Halus lagi Maha Teliti. (Surah al-An'am 6:103)

Masalah yang adik hadapi memerlukan bimbingan orang yang lebih arif. Adik juga perlu banyak mengingati dan beribadat kepada Allah. Konflik rasa bersalah atau berdosa dengan keinginan untuk menjadi Muslimah yang baik diharap dapat dileraikan dengan memilih jalan yang benar.

Dr doakan adik menemui hidayah dan keluar daripada konflik ini dan menemui jawapan serta jalan lebih baik serta diredai Allah S.W.T.



RAPI...mengemas katil antara rutin pelajar yang tinggal di asrama.

Tertekan dengan peraturan sekolah

SAYA seorang pelajar asrama. Baru-baru ini saya mendapat guru disiplin baru. Masalahnya, dia banyak menukar peraturan sekolah guru disiplin lama. Saya amat tertekan kerana peraturan baru itu seolah-olah mengarut dan menyusahkan pelajar.

Tolonglah Dr, saya sukakan sekolah tapi menyampah dengan guru disiplin dengan peraturan barunya itu.

Pelajar Bengang,
Kuala Lumpur.

DISIPLIN adalah latihan pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri dan patuh pada tata tertib. Tugas menangani disiplin di sekolah bukan hanya terpicul di bahu guru disiplin, guru besar, pengetua mahupun

ketua pelajar tapi menjadi tanggungjawab setiap individu di sekolah, ibu bapa dan masyarakat. Oleh itu, adalah menjadi tugas adik mematuhi disiplin sekolah.

Peraturan sekolah ditukar atas sebab tertentu. Selalunya atas sebab penambahbaikan. Mungkin apa yang adik lihat sebagai disiplin mengarut dan menyusahkan itu mempunyai sebab tersendiri. Sering berlaku konflik antara pelajar dengan sekolah jika sesuatu peraturan untuk tujuan menjaga tata tertib dilaksanakan. Ia proses normal. Namun, disiplin dilakukan demi kebaikan pelajar sekolah.

Jika adik tertekan, boleh berjumpa dengan guru kaunseling atau berbincang dengan rakan mengenai perkara ini. Ada kalanya hanya melalui bercakap, tekanan dialami boleh berkurangan.